

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2015 (Selasa)

SOALAN :

YB TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci bagaimana peruntukan di kawasan Parlimen Stampin (P196) digunakan. Sila senaraikan dalam jadual setiap peruntukan yang digunakan semenjak PRU13.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak Pilihan Raya Umum ke-13 hingga tahun 2015, sebanyak RM1.07 juta telah dibelanjakan bagi kawasan Parlimen Stampin yang meliputi pelaksanaan 46 program/projek pelbagai kategori iaitu bantuan kebajikan dan kemasyarakatan, program sosial masyarakat, peralatan dan kelengkapan, keagamaan Islam, dan pusat kegiatan masyarakat/orang ramai. Berdasarkan kepada jumlah perbelanjaan tersebut, bagi tahun 2013, sebanyak RM0.32 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan 11 program/projek dan bagi tahun 2014 pula, sebanyak RM0.5 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan 22 program/projek. Manakala bagi tahun 2015, sebanyak RM0.25 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan 13 program/projek di kawasan Parlimen berkenaan.